

ASEAN - MAHATHIR
(1)

1982

KUALA LUMPUR, 14 JAN. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESE NEGARA-NEGARA ASEAN SUPAYA MENGHASILKAN BUAH PIKIRAN BARU DALAM KERJASAMA PERINDUSTRIAN.

PERDANA MENTERI BERKATA IDEA MENGADAKAN PEMASARAN BERSAMA SEBAGAI LANGKAH MENINGKATKAN RANCANGAN PERINDUSTRIAN MASING-MASING HARUSLAH DIPERTIMBANGKAN DENGAN SERTUS.

BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT PARA MENTERI EKONOMI ASEAN KE-19 DI SINI, BELIAU MENYATAKAN SATU RUMUSAN MUNGKIN BOLEHDIATUR DI MANA NEGARA YANG MEMPUNYAI PASARAN TERBESAR AKAN MENIKMATI FALDAH SEPENUHNYA JIKA PUN SESUATU BARANG DIKELUARKAN OLEH NEGARA YANG LEBIH KECIL.

DALAM RANCANGAN TOKOK TAMBAH PERINDUSTRIAN, ASEAN HENDAKLAH MENDALAMI PERKARA ITU MUNGKIN DENGAN SEKTOR SWASTA MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH CERGAS, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ADALAH MENGGALAKKAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN ASEAN KINI MENUNJUKKAN MINAT DALAM RANCANGAN TOKOK TAMBAH TERSEBUT.

BELIAU MENJELASKAN KERAJAAN-KERAJAAN ASEAN TELAH PUN MELWUJUDKAN JENJARA BAGI TOKOK TAMBAH PERINDUSTRIAN JUN TAHUN LALU. --
BERSAMBUNG 1117MK

ASEAN-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN KERJASAMA PERINDUSTRIAN DALAM ASEAN MEMERLUKAN KERJASAMA RAPAT ANTARA KERAJAAN-KERAJAAN ASEAN DENGAN PIHAK SWASTA BAGI MENGUKUHKAN KEDUDUKAN EKONOMI ASEAN.

+DALAM HAL INI, SATU-SATU PIHAK TIDAK HARUS MEMIKIRKAN KERUGIAN YANG AKAN DIALAMI TETAPI HARUS MEMENTINGKAN APA YANG MENGUNTUNGKAN KEPADA KUMPULAN,+ JELASNYA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN PERLUYNYA-ANGGOTA-ANGGOTA ASEAN MENGURANGKAN JURANG PERBEZAAN PERHUBUNGAN DALAM BIDANG-BIDANG KEUTAMAAN YANG AKAN MENJAMIN KEBAIKAN SOSIAL DAN EKONOMI MASING-MASING.

BELIAU MENDAPAT TAHU MESYUARAT PARA MENTERI EKONOMI TELAH PUN MENGENALPASTI BIDANG TENAGA, PERKAPALAN DAN DAYA MASUK PASARAN SEBAGAI BIDANG-BIDANG YANG PENTING KEPADA ASEAN.

BELIAU YAKIN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA YANG BERKAITAN AKAN MEMBERI PERHATIAN KHAS KEPADA SEKTOR-SEKTOR TERSEBUT DALAM MERANGKA CADANGAN-CADANGAN PROJEK MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PARA MENTERI DARI INDONESIA, FILIPINA, SINGAPURA, NEGERI THAI DAN MALAYSIA BAHAWA DALAM MENGATUR PROJEK-PROJEK MEREKA HARUSLAH MEMPUNYAI GAMBARAN MENYELURUH YANG JELAS MENGENAI MATLAMAT DAN HALUAN EKONOMI YANG MENJADI HASRAT ASEAN DAN HENDAKLAH MENGUBAHSUAI KEPERLUAN MENGIKUT KEHENDAK.

+KECUALI INI DILAKUKAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA ITU AKAN BERTINDAK BERLAINAN DAN TIDAK AKAN DAPAT BERGERAK SELARAS BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KEUTAMAAN ASEAN,+ TAMBAHNYA. -- BERSAMBUNG 1655/SZ

B593

ASEAN-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA ASEAN HENDAKLAH SENTIASA MEMUPUK KERJASAMA EKONOMI DAN PEMBANGUNAN YANG RAPAT DAN BERSEPADU SESAMA MEREKA.

BELIAU MENEGASKAN BAGI MALAYSIA, ASEAN TETAP MENJADI KEUTAMAAN DALAM DASAR LUARNYA.

+PENDAPAT KERAJAAN DALAM HAL INI IALAH MEMANDANGKAN PERANAN PENTING ASEAN SEBAGAI PENGARUH YANG STABIL DALAM MEMAJUKAN KETAHANAN EKONOMI RANTAU INI,+ JELASNYA.

BELIAU MENERANGKAN TIDAK ADA NEGARA YANG DAPAT MENCAPAI KEMAKMURAN BERSENDIRIAN DALAM RANTAU YANG MENGALAMI KEKACAUAN DAN KETIDAKSTABILAN. +UNTUK MAKMUR KITA MEMERLUKAN PERSEKITARAN RANTAU YANG DAPAT MENDORONG PERTUMBUHAN EKONOMI.+

OLEH YANG DEMIKIAN, KATANYA, PEGANGAN MALAYSIA KEPADA PRINSIP-PRINSIP KERJASAMA ASEAN BUKANLAH BERMAKNA IA MEMENTINGKAN KESENANGAN ORANG LAIN TETAPI DEMI MENJAYA DIRI SENDIRI IA MENGANGGAP KEPENTINGAN ASEAN SEBAGAI KEUTAMAAN PERTAMA.

PERDANA MENTERI BERKATA ASEAN MENJADI LANDASAN PENTING MEMBINA PERHUBUNGAN YANG LEBIH ERAT DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU DAN JUGA PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA. -- BERSAMBUNG 1720/SZ

5298
ASEAN-MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

OLEH ITU, ASEAN MEMPUNYAI PERANAN PENTING DALAM HAL ERHWAL NEGARA, SERANTAU DAN ANTARABANGSA, KATANYA.

MEMANDANGKAN HAL INI, MAKA PERLU ADA USAHA UNTUK MENGUKuhkan JENTERA KERJASAMANYA DENGAN NEGARA-NEGARA KETIGA, TAMBAHNYA.

MENGENAI PERDAGANGAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU BANGGA KERANA PERDAGANGAN ANTARA NEGARA-NEGARA ASEAN KINI MELEBIHI ASIR 10,000 JUTA MENGIKUT HARGA-HARGA MASAKINI BERBANDING DENGAN ASIR 300 JUTA DALAM TAHUN 1970.

SEHINGGA SEKARANG SEJUMLAH 6,581 JENIS BARANG DIBERIKAN KEISTIMEWAAN TARIF DALAM USAHA MENGEMBANGKAN PERDAGANGAN DALAM RANTAU DAN SEBANYAK 1,948 BARANG LAGI AKAN DIMASUKKAN DI MESYUARAT KALI INI.

TENTANG KEMAJUAN DALAM BIDANG PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERHATIAN SEWAJARNYA TELAH DIBERI KEPADA PERKAPALAN.

BELIAU MENERANGKAN ASEAN TERLALU BERGANTUNG KEPADA PERKHIDMATAN LUAR DAN BAYARAN PENGANGKUTAN YANG KIAN MENINGKAT MERUPAKAN BEBAN TAMBAHAN KEPADA IMBANGAN BAYARANNYA.

BELIAU BERPENDAPAT ASEAN BOLEH BEKERJASAMA SECARA MENGUNTUNGGAN DENGAN BERDIKARI DALAM BIDANG PERKAPALAN BAGI MENGATASI MASALAH PENGANGKUTAN BARANG-BARANG KELUARAN ASEAN BUKAN SAHAJA BAGI PASARAN SEBERANG LAUT TETAPI DALAM RANTAU ASEAN SENDIRI.

-- BERGAMBUNG 1795/SZ

5300
ASEAN-MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENARIK PERHATIAN PARA PERWAKILAN AKAN PERLU NYA UNTUK MEMESATKAN KERJASAMA DALAM BIDANG TENAGA.

BELIAU BERKATA ASEAN KESELURUHANNYA MERUPAKAN PENGELUAR UTAMA SUMBER TENAGA ASLI SEPERTI GAS DAN PETROLEUM TETAPI MASIH KEKURANGAN KEMUDAHAN, KEPAKARAN DAN TEKNOLOGI UNTUK MENGGUNAKAN SUMBER-SUMBER ITU SEPENUHNYA.

PELABURAN YANG BANYAK DIPERLUKAN JIKA KITA INGIN MENUBUHKAN INDUSTRI GAS DAN PETROLEUM YANG MENYELURUH TETAPI KITA BUKANLAH TIDAK BERKEUPAYAAN DAN MASALAH-MASALAH PULA BUKANLAH TIDAK DAPAT DIATASI. + KATANYA.

BELIAU MENYERU MESYUARAT ITU SUPAYA MENINJAU POTENSI BAGI KERJASAMA ASEAN DALAM SEKTOR TERSEBUT.

SEBELUM ITU, MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN YANG MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT BERKATA PARA MENTERI EKONOMI AKAN MEMULAKAN PERBINCANGAN YANG AKAN MEMBOLEHKAN MEREKA MEMBUAT KEPUTUSAN BERMAKNA BAGI MELAKSANAKAN PELBAGAI RANCANGAN DALAM RANGKA KERJASAMA EKONOMI.

DALAM MASA DUA HARI AKAN DATANG, MEREKA AKAN MENYEMAK LAPORAN PELBAGAI JAWATANKUASA EKONOMI, DIALOG ASEAN DENGAN RAKAN PEKONGSI LAIN, PENDEKATAN BERSAMA SAMA ASEAN TERHADAP ISU-ISU EKONOMI ANTARABANGSA, KERJASAMA EKONOMI DI KALANGAN NEGARA MEMBANGUN DAN PERDAGANGAN PELBAGAI HALA.

+ BERGAMA 1743/SZ